

29 OCT 2003

Siam-Mahathir

MARTABAT MASYARAKAT SIAM MALAYSIA DIANGKAT SEMASA ERA KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KANGAR, 29 Okt (Bernama) -- Masyarakat Siam di Malaysia terhutang budi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana era kepimpinannya telah berjaya mengangkat martabat kaum minoriti itu, kata Presiden Persatuan Siam Malaysia (PSM), Senator Siw Chun a/p Eam.

Beliau berkata selain menerima takrifan Bumiputera, masyarakat Siam juga berbangga kerana mereka kini sudah mempunyai wakil di dewan negara.

Bercakap kepada Bernama di sini hari ini, beliau berkata masyarakat Siam kini tidak lagi merasa terpinggir di negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum ini di bawah pentadbiran Dr Mahathir.

"Kami sentiasa dihargai dan perlantikan wakil masyarakat Siam menduduki kerusi Dewan Negara sejak beberapa penggal lalu adalah antara pengiktirafan terbesar," kata Siw Chun.

Pada masa yang sama, Siw Chun turut menyuarakan keyakinannya bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menjadi pengganti akan meneruskan dasar-dasar yang sama yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir.

Sementara itu, Siw Chun berkata PSM akan menganjurkan festival Loy Krathong atau pesta menghanyutkan bunga-bunga teratai yang menjadi tradisi masyarakat Siam pada akhir bulan depan.

Siw Chun berkata festival itu akan berlangsung di Jejawi dekat sini di mana ribuan bunga teratai yang dipasang lilin akan dihanyutnya di Sungai Jejawi pada malam berkenaan dan antara majlis yang akan diadakan bagi memeriahkan festival itu adalah pertandingan ratu Loy Krathong.

-- BERNAMA

AD AZH